

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANGKAP  
PENGGERUSI MAJLIS HAL EHWAL ISLAM  
MALAYSIA KETIKA MEMBUKA PERSI-  
DANGAN MAJLIS DI DEWAN TUNKU ABDUL  
RAHMAN, KUALA LUMPUR, PADA 8HB JULAI,  
1971

Y.A.B. Tun Datu Mustapha, Y.B. Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk  
Saudara-saudara ahli-ahli Majlis.

Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwatalla kerana hari ini saya dapat hadir bersama-sama buat pertama kali pada sidang Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia, sejak saya dilantik oleh Majlis Raja-Raja sebagai Pengerusinya yang baru, menggantikan tempat Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Seperti kita sama-sama maklum, Y.T.M. Tunku sudah pun mula menjalankan tugasnya sebagai Setiausaha Agung Sekretariat Negara-negara Islam, di Jeddah bulan April yang lalu. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Tunku atas usaha dan inisiatifnya menubuhkan Majlis ini dan menjadi Pengerusinya yang pertama.

Sebelum persidangan kita membincangkan agenda-ajenda yang telah ditetapkan, saya suka memberi sedikit pandangan-pandangan saya di atas peranan dan tugas-tugas yang harus dijalankan oleh Majlis ini. Tetapi terlebih dahulu, saya dengan sukacita mengalu-alukan anggota Majlis baru yang mewakili Negeri-negeri Malaysia Timur iaitu saudara-saudara kita Yang Amat Berhormat Tun Datu Haji Mustapha, Ketua Menteri Sabah dan Yang Amat Berhormat, Datuk Haji Abdul Rahman Yaacob, Ketua Menteri Sarawak. Kemasukan Sabah dan Sarawak dalam Majlis ini adalah merupakan satu detik penting dalam sejarah perkembangan Majlis ini yang baru berusia dua tahun kerana dengan ini Majlis merupakan badan yang bercorak kebangsaan. Oleh yang demikian, saya fikir, dari sekarang, nama Majlis ini patutlah diubah dan perkataan "Barat" tidaklah lagi digunakan. Tegas kata, Majlis Kebangsaan Malaysia.

Saudara-saudara,

Saya telah mengikuti perkembangan serta kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh Majlis ini dalam memperluaskan lagi ajaran dan pengaruh agama Islam. Tugas Majlis ini sebahagian besarnya ialah menyelaraskan urusan dan pentadbiran agama Islam di seluruh tanah air pada segi dasar dan undang-undang dan juga peraturan-peraturan yang bertujuan memenuhi hasrat umat Islam dan selaras dengan ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya. Pendek kata, Majlis ini merupakan satu forum bagi pemimpin-pemimpin Islam berunding serta memberikan pendapat sambil mencari penyelesaian di atas perkara yang berhubung dengan agama Islam. Oleh itu, Majlis ini tidaklah sekali-kali menyentuh hak dan kuasa Raja-raja dan segala syur-syur serta keputusan yang telah dicapai dalam Majlis ini akan disembahkan untuk pertimbangan Majlis Raja-Raja selanjutnya.

Saudara-saudara,

Salah satu daripada tugas-tugas penting Majlis ini ialah untuk mengembangkan lagi ajaran Islam. Dalam hubungan ini segala daya usaha akan dijalankan oleh Bahagian Dakwah Islam untuk meluaskan ajaran-ajaran Islam yang sebenar serta sesuai dengan kehendak dan tujuan Islam yang maha suci. Cadangan sudah pun dibuat bagi membentuk sebuah Badan Tabligh yang teratur dengan sempurna. Saya berseru kepada semua pihak yang menjalankan tabligh khususnya Pegawai-pegawai Majlis ini, PERKIM dan juga Jamiah Dakwatul Islamiah, supaya memperhebatkan lagi Dakwah Islam dengan cara yang bijaksana dan lebih berkesan sebagaimana yang dituntut oleh Uagama dengan harapan supaya orang-orang kita menjadi penganut Islam yang saleh serta berbakti kepada masyarakat.

Rasanya eloklah saya tegaskan kepada saudara-saudara tentang hasrat jangka panjang Negara kita sebagaimana yang termaktub dalam Rukunegara. Tidaklah dapat dinafikan bahawa prinsip-prinsip Rukunegara sebenarnya sejajar dengan tuntutan Islam. Oleh itu, Dakwah Islam boleh disesuaikan dengan Rukunegara yang kita harap akan sehati dengan cara hidup kita untuk zaman berzaman. Dengan cara memupuk ajaran-ajaran agama iaitu apa-apa yang baik dalam tata susila kehidupan kita, pasti akan tercapai perpaduan yang lebih erat lagi di kalangan seluruh masyarakat di Malaysia ini dan semangat muhibbah di antara masyarakat kita berbilang kaum dan keturunan. Sebagaimana yang dituntut

oleh ugama, semua langkah-langkah itu hendaklah dilaksanakan dengan cara yang bijaksana dan bertimbang rasa dan untuk mendapatkan lebih hasil-hasilnya mestilah menggunakan strategi yang sesuai dengan cara pemikiran dan tingkatan kemajuan pengetahuan pada masa sekarang.

Saya harap Dakwah Islam dapat dijalankan dengan lebih pesat di kalangan muda-mudi kita, khasnya mereka yang di Pusat-pusat Pengajian Tinggi. Hal ini telahpun saya arahkan kepada Setiausaha Majlis dan juga saya berharap Badan-badan Dakwah yang lain seperti PERKIM dan Jamiah Dakwatul Islamiah supaya memperhebatkan lagi usaha-usaha menyampaikan tabligh bukan semata-mata dengan tujuan mendapatkan saudara-saudara Islam yang baru, bahkan lebih penting lagi memberikan pengertian tentang Islam kepada orang-orang yang bukan Islam. Saya syurkan usaha ini dijalankan dengan cara yang lebih sistematik dan muballigh-muballigh sepatutnya berkebolehan menghadapi persoalan-persoalan masyarakat zaman moden. Dalam keadaan sekarang, ajaran Islam sepatutnya jangan hanya berkisar kepada perkara-perkara Ibadat dan Tasawuf sahaja kerana ajaran Islam adalah luas, bahkan hendaklah juga menitikberatkan soal memperbaiki dan meninggikan ekonomi orang-orang Islam di samping menggalakkan mereka mencari Ilmu pengetahuan sains dan teknologi.

Kita semua maklum, Majlis Ugama Islam di negeri mempunyai banyak harta Baitul-Mal di samping pemungutan zakat fitrah setiap tahun. Berkenaan dengan ini, saya sukacita Majlis hari ini akan membincangkan penubuhan badan "Task Force" untuk mengkaji masalah-masalah yang berhubung dengan penyelarasan pentadbiran Majlis Ugama Islam di negeri-negeri dan juga mengemukakan syur-syur bagaimana harta benda dan pendapatan dari zakat fitrah ini digunakan sebaik-baiknya.

Berhubung dengan Undang-undang Islam, saya rasa perlu pula diselaraskan pelaksanaannya supaya tidak timbul kejadian yang bercanggah antara satu negeri dengan yang lain.

Saudara-saudara,

Saya berpuas hati rancangan menjadikan Masjid Negara sebagai sebuah Pusat Islam sedang berjalan baik dan Pusat Penyelidikan Islam (Islamic Research Centre) di Masjid Negara sudah pun dimulai. Saya harap kutub khanahnya akan dapat

diperbesar dan dilengkapi dengan kitab-kitab rujukan Islam yang cukup, supaya dapat pula diselenggarakan penerbitan yang bermutu dalam berbagai bahasa untuk meninggikan syiar Islam.

Cita-cita kita ialah pada satu hari kelak Masjid Negara itu benar-benar merupakan Pusat Pengajian dan Penyelidikan untuk mengembangkan kebudayaan dan tamaddun Islam di rantau ini.

Saudara-saudara,


Selain dari itu, kita tidaklah pula lupa kepada Pegawai-pegawai dan kakitangan Majlis ini yang belum mempunyai bangunan Pejabat yang boleh mereka banggakan. Saya harap dalam tempuh yang dekat ini rancangan membina bangunan Pejabat Majlis ini akan dapat mula dilaksanakan supaya pegawai-pegawai dan kakitangan Majlis kita ini dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna dan dalam suasana yang lebih bahagia.

Akhirnya, saya ingin mengingatkan lagi bahawa dalam menjalankan tugas-tugas dan kewajipan kita untuk meninggikan ajaran Islam, sayugialah kita gunakan segala peluang dan saluran yang ada untuk tujuan suci itu.

Sebagai contoh, khutbah Jumaat patutlah mengemukakan dan membincangkan masalah-masalah mengenai masyarakat kita hari ini dengan hujjah yang dapat diterima oleh jenerasi muda. Hanya dengan cara ini mereka akan lebih tertarik dan mendekati agama serta patuh pada ajaran-ajaran nya.

Saudara-saudara,

Sekianlah ucapan saya dan marilah kita berdoa kepada Allah semuga usaha-usaha kita ini mendapat hidayah dan taufikNya.



Tun Abdul Razak bin Hussein, ke enam dari kiri, merasmikan persidangan kelima Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, pada 8hb Julai, 1971.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)